

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

1. Jawatan Kosong

- i. Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Gred DG10/12 dan DG12/13
- ii. Kementerian : Kementerian Pendidikan
- iii. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- iv. Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan

2. Kelayakan

- i. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (**Pegawai KPM sahaja**) yang telah disahkan dalam perkhidmatan, serta berada di gred DG10/12 dan DG12/13;
- ii. Memiliki Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling)/ Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)/ Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- iii. Penilaian Prestasi (LNPT/ PBPPP) melebihi 85% bagi 3 tahun terkini;
- iv. Bebas tindakan tatatertib/ SPRM/ pinjaman tegar;
- v. Mempunyai pengalaman yang sesuai dengan bidang tugas pengurusan serta kemahiran data dan maklumat adalah keutamaan;
- vi. Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia; dan
- vii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Cara Memohon

- i. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang BPsK/001/02B seperti di lampiran;
- ii. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui ketua jabatan masing-masing yang disertakan dengan markah Nilain Prestasi Tahunan (LNPT/PBPPP) untuk 3 tahun terakhir;
- iii. Semua permohonan hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan dan disertakan dengan **salinan sijil-sijil kelayakan, salinan kad pengenalan dan Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang terkini dan dikemaskini;**
- iv. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32cm x 22cm ke alamat berikut **selewat-lewatnya pada atau sebelum 23 April 2026 ke alamat berikut:**

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Psikologi dan Kaunseling
Kementerian Pendidikan
Aras 1, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p. Unit Khidmat Pengurusan)**

- v. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui ketua jabatan adalah ditolak; dan
- vi. Semua permohonan di borang perlu **diisi dengan jelas**. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk menerima makluman berkenaan urusan temuduga tersebut. Dengan itu, pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemohon tersebut tidak dapat dihubungi.

4. Urusan temuduga

- i. Calon yang layak akan dipanggil temuduga selewat-lewatnya dalam tempoh **dua bulan** daripada tarikh tutup iklan ini.

** tertakluk kepada waran perjawatan yang sedang berkuatkuasa*